

Tak kenal maka tak cinta

TEMAN BERBILANG NEGARA: Cik Liyana (tengah) mengenali adat dan budaya pelajar asing di sekolahnya secara langsung menerusi lawatannya ke negara mereka. Beliau bergambar bersama temannya dari China, India dan Filipina. – Foto-foto JOHARI RAHMAT



► **ERVINA MOHD JAMIL**
ervinajm@sph.com.sg

TAK kenal maka tak cinta.

Selepas mengambil langkah pertama mengenali pelajar asing di sekolahnya dengan lebih dekat, Cik Liyana Wong Yoke Yin, 21 tahun, terus terpaut.

Pelajar tahun ketiga jurusan pengurusan perniagaan daripada Universiti Pengurusan Singapura (SMU) itu mulai berkenalan dengan mereka dengan bertanyakan tentang negara asal mereka dan sebagainya.

Langkah pertama itu merupakan titik permulaan bagi pendedahan kepada adat dan budaya negara lain menerusi lawatan pembelajaran anjuran Pejabat Pembelajaran Global (OGL) SMU – seperti ke China, India dan Myanmar – yang diikutinya sejak mula menuntut di SMU tiga tahun lalu.

“Apabila saya mula berbual dengan mereka dan bertanya tentang tanah air mereka, lama-kelamaan ia menghasilkan satu hubungan yang erat... penting untuk saya mulakan dengan mendekati mereka dahulu,” ujar Cik Wong.

Beliau dan beberapa temannya turut membawa se-kumpulan pelajar, kebanyakannya pelajar asing, serata Singapura untuk mengenali pelbagai juadah setempat menerusi kegiatan *International Food Trail* anjuran SMU Roots – kelab pelajar yang bertujuan menggalakkan penyepadan antara pelajar setempat dan asing.

Cik Wong adalah naib presiden kelab tersebut.

Pelajar asing yang kini menjadi teman Cik Wong juga

bersyukur kerana ada pelajar setempat yang sedia membantu mereka menyesuaikan diri di sini.

Mungkin kerana ingin membala budi baik pelajar setempat seperti Cik Wong, beberapa pelajar asing itu juga telah berjumpa dengan OGL SMU untuk menganjurkan lawatan pembelajaran berunsur kebudayaan dan perniagaan ke negara mereka.

Dengan cara itu, mereka dapat berkongsi adat dan budaya di negara mereka dengan lebih mendalam.

“Menerusi lawatan pembelajaran ini, pelajar dari pelbagai negara dapat menjalin persahabatan dan hubungan erat misalnya apabila mereka meluangkan masa membuat kajian bersama, sebagai persiapan untuk lawatan itu,” kata pengarah OGL SMU, Cik Bernadette Toh.

Semasa lawatannya ke China pada 2011, Cik Wong dan beberapa pelajar lain berpeluang berinteraksi dengan pelajar sebaya mereka di beberapa universiti.

“Selepas lawatan itu, saya mengenali lebih ramai kawan seperti pelajar warga Myanmar yang turut menyertai lawatan itu,” ujarnya.

Apabila pulang ke Singapura, mereka menjadi lebih rapat sehingga mereka menjemputnya ke rumah.

Menerusi pergaulannya dengan pelajar asing daripada pelbagai latar belakang, beliau senang dan bersyukur dengan kemesraan mereka serta kesediaan mereka menerima dirinya.

“Ambil langkah pertama untuk berinteraksi dengan warga asing. Siapa tahu, ia boleh membawa persahabatan baru serta pemahaman lebih baik tentang budaya lain,” kata Cik Liyana.